

**SEJARAH SHAHNON AHMAD: PEMIKIRAN KESUSASTERAAN ISLAM DALAM  
AGAMA DAN DAKWAH**

***THE HISTORY OF SHAHNON AHMAD: THOUGHT IN RELIGIOUS LITERATURE  
AND DAKWAH***

**Mohd Ammyrul Ashraf Bin Sairan\***

**Che Hasniah Ya'acob**

**Pusat Pengajian Bahasa, Tamadun dan Falsafah**

**Universiti Utara Malaysia, 06010 Sintok Kedah, MALAYSIA**

**Mohamad Akmal Bin Ibrahim**

**Jabatan Sejarah, Universiti Malaya, 50603 Kuala Lumpur, MALAYSIA**

**\* Corresponding author: [ammyrul@uum.edu.my](mailto:ammyrul@uum.edu.my)**

**Received: 20 Mac 2025 Accepted: 11 Disember 2025**

**Abstrak**

Kajian ini bertujuan meneliti pemikiran Shahnnon Ahmad, seorang tokoh sasterawan Melayu yang terkenal dengan karyanya yang penuh falsafah terutama dalam konteks agama dan dakwah sastera. Beliau sering dikaitkan dengan kontroversi menerusi karya-karyanya yang mencabar norma-norma tradisional, namun di sebalik kontroversi tersebut, terdapat elemen keagamaan dan mesej dakwah yang cuba disampaikan oleh beliau dalam karyanya. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan menganalisis teks-teks karya Shahnnon Ahmad, termasuk novel dan cerpennya yang berunsurkan keagamaan. Hasil kajian menunjukkan bahawa Shahnnon Ahmad mengangkat isu-isu keagamaan dalam keadilan sosial, kemanusiaan, dan peranan individu dalam masyarakat melalui pendekatan sastera yang kritis. Walaupun pendekatannya sering dianggap kontroversial, Shahnnon Ahmad berjaya mengintegrasikan elemen-elemen dakwah dengan menyampaikan mesej moral dan spiritual secara halus dan tersirat. Kajian ini juga bagi meneliti gagasan pemikiran reformis beliau yang turut dipengaruhi oleh latar belakang sosio-budaya serta dinamika politik semasa, yang memberikan dimensi yang lebih mendalam kepada tafsiran dakwah dalam karyanya. Dengan menganalisis karya beliau, kajian ini bakal menyumbang kepada pemahaman yang lebih holistik terhadap hubungan antara seni, agama, dan masyarakat. Pemikiran sastera Islam Shahnnon yang mencerminkan medium dakwah yang fleksibel dan adaptif, sekaligus menekankan pentingnya sensitiviti budaya dan keagamaan dalam penyampaian mesej Islam. Kajian ini diharapkan dapat membuka ruang perbincangan yang lebih luas tentang peranan sastera dalam dakwah, khususnya dalam konteks gagasan pemikiran Melayu-Islam moden.

**Kata kunci:** Shahnnon Ahmad, Agama, Dakwah, Reformis, Sastera Islam.

**Abstract**

*The purpose of this study is to investigate the thoughts of Shahnnon Ahmad, a well-known Malay literary figure who is particularly known for his philosophical works, especially in the context of religion and literary dakwah. He is often associated with controversy due to his works that challenge traditional norms. However, beneath these controversies, there are religious elements and dakwah messages that he seeks to convey through his writings. This study employs a qualitative approach by analyzing Shahnnon Ahmad's literary texts, including his novels and*

*short stories with religious themes. The findings reveal that Shahnnon Ahmad highlights religious issues in social justice, humanity, and the role of individuals in society through a critical literary approach. Although his methods are often considered controversial, he successfully integrates elements of dakwah by subtly and implicitly delivering moral and spiritual messages. This study also examines his reformist ideas, which are influenced by his socio-cultural background and the prevailing political dynamics, providing a deeper dimension to the interpretation of dakwah in his works. By analyzing his literary contributions, this study will contribute to a more holistic understanding of the relationship between art, religion, and society. Shahnnon Ahmad's Islamic literary thoughts reflect a flexible and adaptive medium of dakwah, emphasizing the importance of cultural and religious sensitivity in conveying Islamic messages. This study hopes to open a broader discussion on the role of literature in dakwah, particularly in the context of modern Malay-Islamic thought.*

**Keywords:** *Shahnnon Ahmad, Religion, Dakwah, Reformist, Islamic Literature.*

## **Pengenalan**

Islam merupakan agama yang bersifat universal dan dianuti oleh pelbagai kaum serta bangsa, tanpa dibatasi oleh perbezaan fizikal, status sosial, atau kedudukan.<sup>1</sup> Selain itu, Islam turut dianggap sebagai agama yang bersumberkan wahyu ilahi, yang menjadi asas utama dalam pembentukan ilmu pengetahuan.<sup>2</sup> Manakala, Walker (2015) menjelaskan bahawa istilah 'dakwah' berasal daripada perkataan 'da'a' yang membawa makna positif baik dalam konteks al-Quran mahupun dalam percakapan seharian.<sup>3</sup> Yusuf (2023) pula mendefinisikan dakwah sebagai suatu aktiviti yang bertujuan bagi menyedarkan masyarakat tentang kebenaran Islam serta cara mengamalkannya dalam kehidupan seharian.<sup>4</sup> Golongan seperti intelektual atau cendekiawan Islam merupakan individu yang memiliki pengetahuan yang meluas dan mampu mengembangkan ilmu tersebut dalam pelbagai bidang, sehingga melahirkan disiplin-disiplin ilmu baru. Kehadiran golongan ini dalam masyarakat memainkan peranan penting dalam pembangunan intelektual, spiritual dan tamadun sesuatu bangsa.<sup>5</sup>

Menurut Abd Aziz (2022), Seruan bagi dakwah kepada umat Islam adalah satu kewajipan rabbani yang ditetapkan oleh Allah SWT. Manusia diciptakan sebagai khalifah di muka bumi, dan tugas ini merangkumi tanggungjawab bagi menyebarkan dakwah. Praktik dakwah telah dilaksanakan sejak zaman para nabi, bermula dengan Nabi Adam AS, manusia pertama yang diciptakan, sehingga kepada Nabi Muhammad SAW, Rasul terakhir, dan diteruskan oleh para sahabat, tabi'in, serta pendakwah hingga ke hari ini. Perkembangan intelektual dalam kalangan pemikir sastera Islam telah membawa kepada pentafsiran baharu dalam konsep berdakwah. Perkembangan ini berhubung rapat dengan keahlian dan kepakaran sasterawan dalam mengadaptasi konsep dakwah menerusi karya penulisan sastera.<sup>6</sup> Dalam konteks kesusasteraan Melayu-Islam, konsep dakwah ini tidak hanya disampaikan melalui mimbar, tetapi turut diterjemahkan melalui karya sastera yang berfungsi sebagai medium pencerahan rohani.

Shahnnon Ahmad (selepas ini disebut sebagai Shahnnon) merupakan salah seorang tokoh intelektual terkemuka di Malaysia yang turut dikenali dengan gelaran "Sasterawan Negara". Gagasan dan pemikirannya sering menarik minat masyarakat memandangkan idea-idea beliau yang inovatif, terutamanya dalam bidang sastera. Shahnnon termasuk dalam kalangan tokoh terawal di Malaysia yang memperkenalkan topik 'kesusasteraan Islam' sebagai wacana bagi

diperbincangkan secara terbuka. Perdebatan intelektual antara beliau dan Kassim Ahmad telah membuka lembaran baru kepada perbincangan yang mendalam tentang konsep pemikiran sastera Islam, yang pada ketika itu masih kabur dan menimbulkan pelbagai persoalan sama ada bersifat realiti atau sekadar khayalan. Perdebatan kedua-dua tokoh ini telah mencetuskan minat yang mendalam di kalangan ilmuwan tempatan bagi membincangkan pemikiran sastera Islam secara lebih serius sekitar tahun 1980-an. Hal ini membuktikan bahawa isu sastera Islam bukan sahaja mendapat perhatian di negara-negara Arab, namun di rantau Nusantara yang majoritinya terdiri daripada penduduk berketurunan Melayu dan beragama Islam.

Berdasarkan fakta, Shahnnon sememangnya telah berusaha menyampaikan ilmu dan dakwah Islam dalam bidang kesusasteraan. Dalam konteks kajian yang telah diusahakan di Malaysia, dapat diperhatikan tidak banyak kajian yang berkaitan Shahnnon dalam menghuraikan secara spesifik dan tuntas tentang pemikiran Shahnnon dalam konteks agama dan dakwah dalam bidang kesusasteraan. Sebagai contoh, kajian oleh Harry Aveling (1996) menyorot aspek kuasa, gender dan Islam, namun tidak meneliti nilai dakwah secara mendalam. Kajian ini memperlihatkan tentang hubungan antara kuasa, gender dan Islam dalam karya-karya Shahnnon Ahmad. Penulis tidak menyentuh nilai-nilai Islam dalam karya-karya Shahnnon sebaliknya merumuskan tentang sosok lelaki yang tidak mencapai tahap kewarakan akibat oleh hawa nafsu yang kuat.

Sebaliknya, kajian Ros Zakaria (2002) memberi tumpuan kepada dimensi nafsu, tetapi tidak membincangkan pemikiran dakwah secara menyeluruh. Menerusi novel “Martabat Nafsu”, Shahnnon yang bermula dengan memberikan penumpuan kajian kepada empat martabat utama daripada tujuh martabat yakni; martabat nafsu ammarah, lawwamah, mulhannah dan mutma’innah. Selain itu martabat nafsu ini dianalisis dan didasarkan kepada pendekatan daripada teori formalistik, teori Takmilah dan pentahapan nafs oleh imam al-Ghazali. Hasilnya mendapati nafsu ammarah adalah merupakan martabat yang paling dominan dalam penulisan Shahnnon Ahmad.

Seterusnya, Sohaimi Abdul Aziz dalam kajian sarjananya tentang “Mobiliti Sosial Perspektif Barat Dan Islam Dalam Novel Terpilih Shahnnon Ahmad” yang dikemukakan kepada Universiti Sains Malaysia (USM) pada 1990. Kajian ini menyentuh persoalan mobiliti sosial yang wujud dalam karya-karya Shahnnon Ahmad dengan memanfaatkan teori-teori seperti sosiologi Islam, sosiologi sastera, psikologi Islam dan Freudian. Kajian lain yang dijalankan terhadap novel Shahnnon Ahmad ialah “Penerapan Nilai-Nilai Islam dalam Novel-novel Pilihan Shahnnon Ahmad. Kajian ini dilakukan oleh Nordin Mohamad bagi memenuhi pensyaran Sarjana Pendidikan di UKM. Dalam kajian ini banyak menitik beratkan terhadap nilai-nilai Islam yang terkandung di dalam penulisan Shahnnon Ahmad. Sungguhpun Shahnnon banyak memaparkan peristiwa dan suasana kampung atau perbandingan antara kampung dan bandar, namun nilai-nilai murni yang tidak bertentangan dengan nilai Islam masih kekal dipaparkan dalam karya-karyanya. Justeru, pengkaji telah memanfaatkan teori sosiologi Islam dan teori sosiologi sastera dalam menganalisis kajian tersebut.

Justeru, gagasan pemikiran Islam Shahnnon Ahmad akan ditelusuri bagi mengenalpasti idea dan pemikiran yang beliau tampilkan dalam karya kreatifnya. Pengamatan awal memperlihatkan bahawa corak pemikiran sastera Islam beliau merupakan pemikiran Islam konservatif yang selari dengan iklim agama yang sememangnya didominasi oleh aliran tradisionalis-konservatif. Sungguhpun begitu, hasil penulisan beliau lebih banyak memaparkan nada pemikiran reformis Islam yang sememangnya bertentangan dengan gagasan pemikiran

konservatisme. Oleh yang demikian, kajian ini bertujuan mengkaji Pemikiran Sastera Shanon Ahmad dalam konteks agama dan dakwah menerusi karya-karya sastera yang dihasilkan oleh beliau serta melihat bentuk gagasan beliau dalam sastera Islam. Secara keseluruhannya, setelah diteliti beberapa kajian lepas, mendapati bahawa tidak terdapat banyak kajian yang dilakukan ke atas pemikiran agama dan dakwah Sasterawan Negara Shanon Ahmad berdasarkan novel dan cerpennya. Aspek pemikiran yang banyak dan gemar dikaji menerusi sudut kajian kemasyarakatan dan kemanusiaan. Namun begitu, masih terdapat beberapa pengkaji yang menjalankan kajian terhadap unsur-unsur atau nilai Islam dalam beberapa karya sastera Shanon Ahmad. Oleh itu, kajian ini bertujuan meneliti pemikiran sastera Islam Shanon Ahmad dalam konteks agama dan dakwah, serta menganalisis bentuk gagasan Islam yang terzahir melalui karya kreatifnya.

## **Metodologi Kajian**

Kajian ini menggunakan pendekatan penyelidikan kualitatif yang tidak melibatkan kaedah kuantitatif atau analisis statistik.<sup>7</sup> Karya Shanon seperti *Srengenge*, *TIVI*, *Al-Syiqaq*, dan *Tok Guru* di gunakan bagi sumber primer kajian ini, manakala catatan dan kajian lepas di jadikan sebagai sumber sekunder. Penyelidikan kualitatif dipilih kerana hal ini membolehkan pengkaji membuat pemerhatian, penerangan, dan pentafsiran terhadap latar dalam keadaan semula jadi tanpa manipulasi.<sup>8</sup> Tumpuan kajian adalah bagi memahami secara mendalam pemikiran dan sumbangan Shanon Ahmad dalam bidang sastera dan intelektual Islam di Malaysia. Tambah Othman lagi, penyelidikan seperti ini bertujuan bagi meneroka, mentafsir, dan memahami secara mendalam ideologi serta perjuangan sebagai seorang tokoh Sasterawan Negara. Kajian ini tidak bertujuan bagi menguji sebarang hipotesis, namun lebih kepada mendapatkan pemahaman yang jelas tentang pemikiran sastera Islam Shanon dalam konteks agama dan dakwah.

Pengkaji akan menggunakan kaedah induktif, iaitu satu pendekatan analisis yang bermula daripada hal-hal khusus bagi mencapai kesimpulan yang umum.<sup>9</sup> Sebagai contoh, pengkaji akan mengumpul data khusus tentang pemikiran sastera Islam dan karya sastera Shanon melalui kaedah pembacaan, menulis, dan membuat pemerhatian. Data ini seterusnya di analisis menggunakan kaedah analisis kandungan bagi memahami corak pemikiran sastera Islam Shanon yang mencerminkan nilai-nilai Islam masyarakat di Malaysia. Melalui kaedah analisis kandungan, data kajian diteliti secara sistematik untuk mentafsir corak pemikiran sastera Islam Shannon yang memperlihatkan manifestasi nilai-nilai Islam dalam kehidupan masyarakat Malaysia. Selain itu, kaedah deduktif juga diguna pakai menerusi pendekatan yang bermula daripada hal-hal umum kepada hal-hal khusus.<sup>10</sup> Sebagai contoh, pengkaji menganalisis pemikiran Shanon Ahmad dalam konteks agama dan dakwah, kemudian menghuraikan secara terperinci bagaimana karya-karya beliau memberikan pedoman dan pengajaran dalam menangani permasalahan akidah, akhlak dan budaya dalam penulisan sastera Islam.

Secara kesimpulannya, kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan menggabungkan kaedah induktif dan deduktif. Kaedah induktif digunakan untuk mengenal pasti pola, tema dan makna yang muncul daripada karya beliau tanpa dipengaruhi oleh andaian awal, manakala kaedah deduktif digunakan untuk menilai dapatan tersebut berdasarkan teori dan konsep sedia ada dalam bidang agama dan dakwah. Gabungan ketiga-tiga pendekatan ini saling melengkapi dalam usaha memahami secara menyeluruh pemikiran serta sumbangan Shanon Ahmad terhadap wacana keagamaan dan cabaran budaya umat Islam di Malaysia.

## Pemikiran Islam Dominan

Masyarakat di suatu zaman, tidak bersifat homogenik, sebaliknya sering wujud pertikaian dan pertelingkahan antara pelbagai gagasan pemikiran yang muncul pada ketika itu. Aliran yang berjaya mendominasi, termasuklah aliran bercorak agama yang pada kebiasaannya berperanan dalam mengekalkan status quo dan memastikan kedudukan elit yang berkepentingan dalam sesebuah masyarakat. Secara umum, iklim pemikiran Islam di Malaysia boleh dibahagikan kepada tiga aliran utama yakni, tradisionalis-konservatif, neo-revivalisme, dan reformis. Aliran tradisionalis-konservatif merupakan aliran yang paling dominan di Malaysia, diikuti oleh aliran bercorak neo-revivalisme yang muncul seiring dengan kebangkitan Islam pada dekad 1970-an dan 1980-an.

Dalam gagasan pemikiran tradisionalis-konservatif bersifat doktrin dan sering menganggap tradisi Islam sebagai interpretasi agama yang paling suci dan murni. Salah satu implikasi daripada sakral tradisi ini ialah penekanan terhadap konsep *taqlid* (mengikut tanpa soal) dalam pembelajaran agama, sementara penggunaan akal dan rasional sering dilihat sebagai mencurigakan kerana dianggap dapat mengancam akidah masyarakat Islam. Sikap ambivalen mereka terhadap politik juga akan menyebabkan golongan elit cenderung menyokong golongan ini bagi mengekalkan pengaruh mereka dalam bidang politik.

Sementara itu, gagasan pemikiran neo-revivalisme lebih menitikberatkan kemurnian ritual agama berbanding unsur-unsur sinkretisme yang sering diterima oleh golongan tradisionalis-konservatif. Mereka melihat Islam sebagai penyelesaian dan benteng utama daripada pengaruh pemikiran Barat yang dianggap sekular, kufur dan merosakkan. Gagasan pemikiran ini begitu menonjol pada tahun 1970 dan 1980, seiring dengan kemunculan gerakan-gerakan dakwah seperti Darul Arqam. Pengaruh neo-revivalisme ini kemudian diserap ke dalam jentera pentadbiran kerajaan menerusi proses Islamisasi, sama ada secara terbuka mahupun terselindung. Malahan kesan paling ketara hasil daripada penerimaan luas gagasan pemikiran ini oleh masyarakat ialah wujudnya fenomena “Islamisasi Kosmetik”, yakni lebih banyak penekanan diberikan kepada elemen luaran seperti pemakaian dan pengislaman institusi awam (sebagai contoh, bank Islam), tanpa diiringi oleh peningkatan kesedaran yang mendalam terhadap falsafah dan etika Islam yang sebenar.

Isu ini pernah dibincangkan oleh Chandra Muzaffar dalam kajian beliau. Berdasarkan pengamatannya:

“Islamisasi tidak berjaya menanamkan kesedaran Muslim tentang kepentingan menghapuskan kemiskinan, rasuah, eksploitasi, dan ketamakan...Secara keseluruhan, Islamisasi lebih tertumpu kepada simbol-simbol berbanding intipati agama, kepada perkara-perkara yang bersifat sampingan berbanding dengan apa yang ada pada fundametal Islam. Ini menggambarkan apa yang kita namakan sebagai fenomena ‘stiker kereta.’”<sup>11</sup>

Menerusi penegasan daripada Chandra Muzaffar dapat di fahami bahawa proses Islamisasi sering kali lebih menitikberatkan simbol luaran agama berbanding intipati sebenar ajaran Islam. Fenomena ini dapat digambarkan menerusi metafora “stiker kereta” yang mencerminkan kecenderungan bagi menonjolkan identiti Islam secara fizikal tanpa disertai pemahaman

mendalam tentang nilai-nilai asas agama seperti keadilan, kejujuran, dan pembasmian kemiskinan. Selain daripada itu, trend neo-revivalisme Islam juga menyaksikan kemunculan sikap taksab agama dalam kalangan sesetengah masyarakat. Hal ini menyebabkan berlakunya pengkultusan terhadap tokoh-tokoh agama, pengasingan diri daripada masyarakat luar yang sememangnya dianggap kurang “Islamik” serta ketidakmampuan bagi berfikir secara kritis terhadap ajaran yang diterima. Sikap seperti ini bukan sahaja menghalang perkembangan berfikir secara kritis malahan membatasi interaksi sosial secara lebih sihat.

Di sebalik spektrum aliran agama ini, wujud juga gagasan pemikiran reformis Islam. Sungguhpun terdapat kepelbagaian pendekatan reformis, secara umumnya, mereka menekankan peranan Islam dari sudut falsafah, etika, dan nilai-nilai murni bagi memajukan masyarakat. Gagasan pemikiran ini berusaha untuk mengembalikan autonomi manusia sebagai makhluk paling rasional yang mampu berfikir secara bebas dan kritis, sambil menekankan kepentingan memahami konteks semasa dalam mentafsir agama. Salah satu aspek terpenting dalam gagasan pemikiran reformis ialah penekanan terhadap elemen-elemen kemanusiaan, yang merangkumi isu seperti keadilan sosial, kebebasan manusia, etika, serta falsafah yang bersifat universal dalam aplikasinya. Amin Abdullah, seorang pemikir reformis Islam dari Indonesia, berpendapat bahawa cabaran utama pemikiran Islam pada hari ini terletak pada isu-isu kemanusiaan yang bersifat universal, seperti pluralisme agama, kemiskinan, kerosakan alam sekitar, dan sebagainya. Pendekatan universal yang diambil oleh gagasan reformis ini begitu berbeza dengan gagasan pemikiran neo-revivalisme, yang lebih menekankan aspek identiti Islam yang eksklusif dan definitif.<sup>12</sup>

Selain daripada itu, modernisasi juga dianggap sebagai keperluan dalam masyarakat Islam. Modernisasi dilihat sebagai proses mengubah “pola pemikiran dan cara bekerja yang tidak rasional kepada yang lebih rasional.” Sebagai contoh, Nurcholish Madjid yang menyeru keperluan kebebasan masyarakat Islam agar tidak terlalu bergantung kepada tradisi lama tetapi mengembalikan autonomi manusia agar berfikir secara bebas dan kritis<sup>13</sup>. Golongan reformis ini menekankan kepentingan *ijtihad* (penghakiman bebas) dan rasionalisme, yang secara langsung menolak akan amalan *taklid* yang diamalkan oleh golongan tradisionalis-konservatif. Tujuan pendekatan ini adalah untuk mempromosikan kefahaman Islam, termasuk interpretasi al-Quran dan Hadis, yang bukan sahaja bersifat universal malahan lebih relevan dalam keperluan semasa. Al-Quran dan Hadis seharusnya tidak difahami secara *harfiah* dan mentah tanpa mengambil kira konteks masa dan tempat, seperti yang sering ditekankan oleh Alatas.

“ Sesuatu ayat atau Hadis patut ditinjau dari segi keseluruhan ajaran Islam;ianya patut dihubungkan dengan persoalan hidup; ianya patut difahami dengan bantuan ilmu pengetahuan di zaman pentafsir sendiri; tafsir yang dihasilkan harus menambah mutu kehormatan masyarakat Islam.”<sup>14</sup>

### **Implikasi dan Cabaran Aliran Pemikiran Melayu-Islam**

Kedudukan yang dominan dalam gagasan pemikiran tradisionalis-konservatif dan neo-revivalisme dalam masyarakat Melayu secara umumnya telah mengakibatkan gagasan pemikiran reformis menghadapi pelbagai rintangan untuk diterima secara lebih meluas. Golongan ini acap kali dilabelkan dengan pelbagai bentuk istilah yang bersifat negatif seperti

“liberal”, dan kadangkala dianggap akan mendatangkan ancaman kepada akidah masyarakat umum. Tambahan pula, penganjuran pemikiran kritis oleh gagasan pemikiran reformis, termasuklah kritikan terhadap hegemoni pemerintah dan penggunaan agama dengan tujuan pengukuhan kuasa, menyukarkan lagi gagasan ini untuk diterima, diasimilasi, atau dibiarkan berkembang oleh golongan elit politik yang berkuasa.

Secara perbandingan, gagasan pemikiran reformis dan tradisionalis-konservatif masing-masing memiliki kekuatan dan kelemahan yang tersendiri dalam membentuk landskap intelektual Islam di Malaysia. Aliran reformis memperlihatkan kekuatan dari segi penekanan terhadap rasionalisme, penggunaan akal, dan keberanian mengemukakan kritikan terhadap penyalahgunaan kuasa politik serta instrumentalisasi agama. Pendekatan ini berupaya membangkitkan kesedaran kritis, memacu dinamisme intelektual Islam, dan membuka ruang kepada transformasi sosial yang lebih adil dan progresif. Namun demikian, kelemahan utama aliran ini ialah kecenderungannya untuk berhadapan dengan penolakan masyarakat arus perdana yang masih berpegang kuat kepada nilai konservatif, selain pengawalan oleh elit politik yang melihatnya sebagai ancaman terhadap kestabilan kuasa dan autoriti agama sedia ada.

Sebaliknya, aliran tradisionalis-konservatif dan neo-revivalisme menonjol dari segi keupayaannya mengekalkan kesinambungan ajaran agama, adat, dan identiti budaya Melayu-Islam. Kekuatan aliran ini terletak pada peranannya dalam memelihara kestabilan sosial, autoriti keagamaan, dan kesepaduan masyarakat. Namun, kelemahannya ialah kecenderungan kepada pendekatan yang bersifat statik dan kurang meraikan pemikiran kritis, sekali gus berpotensi menghambat inovasi intelektual serta keupayaan umat Islam untuk berdepan dengan cabaran semasa secara reflektif dan kontekstual. Akibatnya, perkembangan intelektual Islam di Malaysia sering bergerak dalam keadaan terpolarisasi antara kecenderungan kritis-reformis dan pemeliharaan tradisi.

Oleh yang demikian, Gagasan pemikiran reformis seperti yang diketengahkan Shahnnon menekankan rasionalisme, penggunaan akal, dan kritikan terhadap elit yang menyalahgunakan kuasa atau agama. Kekuatan aliran ini terletak pada kemampuan membangkitkan kesedaran kritis, memajukan intelektualisme Islam, dan mendorong transformasi sosial. Namun, kelemahannya ialah sering bertembung dengan konservatisme dan mentaliti statik golongan tradisional, menyebabkan penolakan atau pengawalan idea oleh pihak berkuasa. Sebaliknya, aliran tradisional menekankan kesinambungan nilai agama dan adat, yang mengekalkan identiti masyarakat tetapi kadang-kala menghalang perkembangan pemikiran kritis. Kesannya, perkembangan intelektual Islam di Malaysia menjadi cabang dua hala.

### **Sejarah Pemikiran Shahnnon Ahmad**

Shahnnon Ahmad merupakan tokoh negarawan yang memiliki keistimewaan tersendiri. Beliau dikenali sebagai salah seorang sasterawan Melayu yang paling dihormati, dikagumi, dan disayangi. Selain itu, beliau juga berperanan sebagai pengarang, penyelidik, pengkritik, dan pendidik dalam bidang kesusteraan. Pemikiran Shahnnon mencerminkan identiti beliau sebagai seorang Melayu yang kental dengan semangat nasionalisme, seorang Muslim yang mendalam penghayatan Islamnya, serta seorang penulis yang unggul dalam teknik penulisan, inovasi, dan kreativiti. Menurut Mohd. Yusof Hasan, Dato' Haji Shahnnon Ahmad dilahirkan pada 13 Januari 1933 di Kampung Banggul Derdap, sebuah perkampungan kecil di daerah Sik, Kedah. Beliau merupakan anak bongsu daripada dua beradik. Ayahandanya, Haji Ahmad bin Haji Abu Bakar,

yang lebih mesra dikenali sebagai Pak Mat berasal dari Medan, Sumatera, dan meninggal pada tahun 1981.<sup>15</sup>

Pada usia muda, Haji Ahmad telah merantau dari tanah kelahirannya dan berkahwin dengan ibu Shahnnon sebelum menetapkan di Sik. Di awal kerjayanya, Pak Mat bekerja di Jabatan Ukur sebelum menukar pekerjaan menjadi posmen. Sebagai seorang yang berpendidikan, Pak Mat sangat menitikberatkan pendidikan anak-anaknya. Pengalaman merantau dan pengetahuannya yang meluas menjadikan Pak Mat sedar akan kepentingan ilmu pengetahuan. Oleh itu, Shahnnon dihantar memulakan pendidikan asasnya di Sekolah Melayu Sik sekitar tahun 1941. Keputusan Haji Ahmad untuk menghantar kedua-dua anaknya ke sekolah Inggeris di Alor Setar, yang jaraknya 72 kilometer dari kampung, telah menimbulkan rasa kehairanan dalam kalangan penduduk kampung. Tindakan Pak Mat ini dianggap luar biasa memandangkan tiada dikalangan penduduk Kampung Banggul Derdap menghantar anak-anak mereka ke sekolah Inggeris. Nilai ketekunan dan disiplin yang diterapkan oleh ayahandanya membentuk watak Shahnnon sebagai penulis yang berpaksikan tanggungjawab dan moral.<sup>16</sup>

Setelah tamat persekolahan darjah V pada 1946, beliau melanjutkan pelajaran di Kolej Sultan Abdul Hamid, Alor Setar, dari tahun 1947 hingga 1953. Pada pandangan Shahnnon, kolej ini merupakan satu dunia yang berbeza sama sekali berbanding suasana kampung halaman atau sekolah rendahnya. Di sini, beliau terpaksa berinteraksi dan bergaul dengan pelajar dari pelbagai kaum dan latar belakang, termasuk mereka yang berasal dari luar negara. Namun, pada peringkat ini, Shahnnon tidak menunjukkan minat yang mendalam terhadap kesusasteraan. Semasa di sekolah menengah, Shahnnon tidak begitu menonjol dalam bidang akademik. Kelemahan ini mungkin berpunca oleh kurangnya minat terhadap pelajaran serta perasaan terpaksa untuk memenuhi harapan keluarganya. Selain itu, suasana bandar yang serba cepat dan bising mungkin tidak begitu selari dengan jiwanya yang lebih cenderung kepada kehidupan desa yang lebih tenang. Namun selepas menamatkan pengajian menengah, bakat Shahnnon sebagai penulis mula terserlah. Kemunculannya dalam dunia penulisan mungkin dipengaruhi oleh pengalaman peribadi dan persekitaran yang dilaluinya. Pengalaman hidup di desa memberi inspirasi kepada Shahnnon untuk menulis karya yang mencerminkan keperitan hidup rakyat sebagai manifestasi nilai keadilan dalam Islam.

Menurut Shafie Abd Rahman et. al, Shahnnon telah membina rumah tangga bersama Wan Fatimah, seorang guru dan dikurniakan empat orang anak. Pada tahun 1968, beliau telah mengambil keputusan untuk berkhidmat sebagai pegawai penyelidik di Australia National University (ANU), Canberra, Australia. Sepanjang berada di sana, Shahnnon mengambil peluang bagi melanjutkan pengajiannya di ANU dan berjaya menamatkan pengajian Ijazah Sarjana Muda pada 1971. Setelah pulang ke tanah air, Shahnnon bertugas sebagai pensyarah di Maktab Perguruan Sultan Idris, Tanjong Malim. Tidak lama kemudian, pada 1974, beliau ditawarkan jawatan sebagai pensyarah di Universiti Sains Malaysia (USM). Dedikasi dan minatnya yang mendalam dalam bidang akademik dibuktikan menerusi kejayaan beliau meraih Ijazah Sarjana Sastera pada tahun 1975.<sup>17</sup> Pendedahan kepada wacana sastera antarabangsa di ANU dan pengalaman sebagai pensyarah telah memperkukuh kesedaran Shahnnon terhadap perlunya integrasi antara nilai Islam dan pemikiran moden

Pada Jun 1980, Shahnnon telah dilantik sebagai Profesor Sastera USM, yang dipertanggungjawabkan sebagai Pengarah Pusat Islam USM. Sungguhpun Shahnnon mula berkarya pada pertengahan tahun 1950-an, dalam tempoh sepuluh tahun, beliau telah menonjol sebagai seorang penulis yang berbakat besar. Antara karyanya yang berunsur dan bertemakan



Islam seperti Protes (1967), Srengenge (1973), TIVI (1995), *Al-Syiqaq* (1985), Tok Guru (1990), dan Umi dan Abang Syeikhul (1992). Selain itu, beliau juga meraih pelbagai anugerah dan pengiktirafan, seperti Hadiah Karya Sastera (1971-1973), gelaran “Pejuang Sastera” yang dianugerahkan oleh Perdana Menteri pada 1976, Anugerah Sastera Negara (1982), dan Anugerah ASEAN II bagi kebudayaan, komunikasi, dan Persuratan Kesusteraan (1990). Kedudukannya sebagai Profesor Sastera membolehkan Shanon menginstitusikan gagasan sastera Islam dalam ruang akademik, mempertemukan intelektualisme dengan dakwah.

Pada tahun 1980, Shanon telah dianugerahkan dengan Pingat Darjah Kebesaran Datuk Setia Diraja Kedah oleh Sultan Kedah yang membawa gelaran Datuk. Beliau juga pernah diiktiraf sebagai Tokoh Maal Hijrah dan berkhidmat sebagai wakil rakyat Parlimen Sik. Sekitar tahun 1982, Shanon Ahmad telah dilantik sebagai Profesor Kesusteraan di Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan (PPIK). Atas sumbangannya dalam bidang kesusteraan tanah air telah diiktiraf apabila beliau dianugerahkan dengan gelaran Profesir Emeritus oleh USM pada tahun 1993. Peranan yang dimainkan oleh Shanon dalam perkembangan pengajian kesusteraan di PPIK amatlah ketara, termasuk mengendalikan kursus-kursus seperti kajian cereka, penulisan kreatif, dan kesusteraan Amerika Latin. Beliau juga menerima penghormatan dari negara luar untuk terlibat dengan aktiviti kesusteraan.

Selain itu, Shanon juga telah menghadiri Afro Asian Writers Conference di Alma Ata, Soviet Rusia bersama-sama Prof. Dato Ismail Hussien sebagai wakil Malaysia dan GAPENA (Gabungan Persatuan Penulis Nasional) pada 1973. Malahan, Shanon juga pernah dilantik menjadi panel pengadil bagi Peraduan Mengarang Cerpen anjuran majalah *Asiaweek*. Tarikh 24 Disember 2004, hari Jumaat tarikh penting dalam kehidupan beliau, apabila terpilih sebagai penerima hadiah bahagian genre novel dalam Hadiah Sastera Perdana Menteri 2002/2003. Hadiah tersebut disampaikan oleh YAB Dato’ Seri Mohd Najib Tun Abdul Razak, selaku Timbalan Perdana Menteri Malaysia di Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur (Mohd Yusof, 2019).

Sepanjang hayat kepengarangannya, seluruh pemikiran, imaginasi dan ilusi kreatif Shanon sentiasa digerakkan oleh kesedaran untuk memartabatkan kesusteraan Melayu dan Islam, sehingga beliau tidak pernah mengenal erti bersara dalam berkarya. Sumbangan pentingnya terserlah apabila beliau mengemukakan gagasan “sastera Islam” dalam *Dewan Bahasa*, yang menegaskan bahawa sastera harus berfungsi sebagai hikmah dan ibadah. Hikmah bagi Shanon bukan sekadar nasihat moral, tetapi suatu bentuk pencerahan batin yang menyentuh fitrah manusia, manakala ibadah merujuk kepada orientasi spiritual karya yang membawa pembaca mendekati Tuhan melalui proses kesedaran, renungan dan penyucian jiwa.

Dalam kerangka ini, karya-karya Shanon selari dengan falsafah dakwah yang menekankan tazkiyah dan pembinaan insan, misalnya *Al-Syiqaq* menampilkan perjalanan spiritual manusia daripada kekeliruan menuju kebenaran, sejajar dengan konsep suluk dalam tradisi kerohanian Islam. Cerpen awal seperti “Riak” dan “Kemelut” turut memperlihatkan peralihan pemikiran ini, bukan sekadar melalui tema pencarian keredaan Allah atau pertemuan nur dakwah, tetapi melalui teknik naratif yang membentuk konflik batin, muhasabah, serta pergolakan rohani watak sebagai lambang perjuangan manusia dalam menghadapi nafsu dan godaan dunia. Dengan demikian, karya-karya tersebut bukan sahaja mencerminkan tahap perubahan pemikiran Shanon, tetapi juga menunjukkan bagaimana beliau mengintegrasikan konsep hikmah, ibadah, dan dakwah ke dalam struktur estetik sastera. Secara keseluruhannya, Shanon Ahmad telah memperlihatkan kemampuan luar biasa untuk menyatukan sastera,

agama dan perjuangan kemanusiaan sebagai teras pemikirannya, menjadikan beliau tokoh yang bukan sahaja berpengaruh dalam dunia kesusasteraan, tetapi juga dalam wacana intelektual Islam di Malaysia<sup>18</sup>.

Karya-karya yang bersendikan pendidikan Islam pula boleh dapat dilihat dalam cerpen-cerpen “TIVI” dan “Tok Guru”, dan “Srengenge”. Kesemua novel ini menegaskan betapa pentingnya pendidikan Islam dalam pembentukan perwatakan belia-belia Islam yang berada dalam kekalutan bagi mencari arah hidup yang sebenar. Cerpen-cerpen bertemakan politik yang berteraskan Islam pula ialah “Tonil Purbawara” dan “Dongeng Merdeka”. Cerpen “Tonil Purbawara” menggambarkan bagaimana kegagalan parti-parti politik yang tidak berpegang kepada Islam, dan cerpen “Dongeng Merdeka” pula mengisahkan kegagalan pemikiran politik yang telah mengalpaikan ajaran Islam. Novel Shahnnon yang mengarap unsur-unsur Islam ialah *Al-Syiqaq I*. Novel ini memaparkan kisah perjuangan manusia dari peringkat kemunggaran ke jalan kemakrufan dari satu daerah. Manusia bermula daripada asal usulnya atau “*roots*”nya dan bertemu kebahagiaan. Begitulah kita dapat melihat cantuman atau adunan pengalaman yang membentuk idea dan pemikiran Islam pengarang Shahnnon Ahmad<sup>18</sup>.

### **Pemikiran Sastera Islam Dalam Konteks Agama**

Dalam wacana yang mengutarakan elemen keislaman dalam karya penulisan Shahnnon Ahmad, wacana tersebut cenderung menekankan aspek konservatif Islam dalam karyanya atau memisahkan aspek Islam daripada kritikan sosial yang beliau sendiri kemukakan. Sebagai contoh dalam karya “*Islam, Power and Gender*”, Aveling (1996) menyetengahkan konsep patriaki yang dikaitkan dengan Islam dalam novel Shahnnon. Sementara itu, Talib Samat mengguna pakai pendekatan naratologi dalam memisahkan elemen Islam dan sosial bagi karya Shahnnon.<sup>19</sup> Sungguhpun begitu, Metzger (2019) menggambarkan ketepatan mengenai unsur Islam dalam karya Shahnnon. Tambah Metzger lagi, aspek Islamisasi dalam karya Shahnnon tidak hanya muncul pada 1970-an, tetapi sudah disentuh secara konsisten sepanjang karier penulisanya.

Perbezaan tafsiran antara ketiga-tiga sarjana ini menjadi lebih signifikan apabila dibingkaikan dalam konteks gelombang Islamisasi pasca-1970-an di Malaysia. Tempoh ini menyaksikan transformasi besar dalam struktur politik, proses urbanisasi, perluasan sistem pendidikan, serta kebangkitan wacana Islam global yang secara langsung mempengaruhi ekspresi budaya dan kesusasteraan tempatan. Dalam konteks ini, karya Shahnnon dapat dibaca bukan sahaja sebagai refleksi keislaman peribadi pengarang, tetapi juga sebagai respons kritis terhadap realiti sosial dan ideologi zamannya.

Justeru, meskipun Aveling menilai teks Shahnnon melalui wacana kuasa dan gender, Talib Samat melalui analisis struktur naratif, dan Metzger melalui kerangka teologis dan ideologis, ketiga-tiga pendekatan ini secara tidak langsung mengakui bahawa Islam merupakan teras penting yang membentuk gaya penulisan, tema utama dan identiti kreatif Shahnnon Ahmad. Perbezaan metodologi dan ideologi ini bukan sahaja memperkayakan wacana kritikan sastera terhadap karya Shahnnon, malah membuka ruang kepada pembacaan yang lebih kontekstual dan multidimensi dalam memahami hubungan antara Islam, kritikan sosial dan sejarah intelektual Malaysia.

Antara Isu yang sering dipermasalahkan oleh Shahnnon dalam karyanya ialah kepercayaan keramat dalam mentaliti masyarakat Melayu, khususnya yang telah menyerap ke dalam Islam, serta unsur *taklid* yang telah membekukan pembelajaran agama. Kedua-dua masalah ini saling berkait dan diperkatakan secara bersama kerana hal ini saling menguatkan dalam menghambat kemajuan masyarakat Melayu Islam sebagai masyarakat yang seharusnya membudayakan pemikiran kritis. Mohd Taib Osman (2013) berpandangan, kepercayaan terhadap keramat acap kali melibatkan pemujaan keramat bagi mendapatkan restu atau yang boleh mendatangkan keajaiban. Shahnnon Ahmad melihat kepercayaan kepada keramat yang masih wujud dalam mentaliti masyarakat Melayu Islam sebagai unsur regresif yang harus dibongkar.<sup>20</sup> Hal ini jelas dipaparkan dalam beberapa karya beliau seperti

“Imam Hamad akan sembuh serta-merta apabila terhidang sahaja jamuan-jamuan itu di tengah rimba raya Srengenge. Kemudian mereka akan pulang ke rumah masing-masing. Kalau dalam tiga hari tidak ada yang dirasuk, Srengenge memang terima semua permintaan... Kalau dalam tiga hari Imam Hamad mati, malapetaka tentu hebat. Tidak mampu ditepis. Akan melarat kepada orang lain. Akan melarat kepada sesiapa sahaja yang berdosa kepada Srengenge. Susah kalau Useng lepas tangan kerana tidak berdaya dengan jin Islamnya.”<sup>21</sup>

“Bukan senang hendak mendapat orang alim sebagai suami. Segala perbuatannya adalah ilham daripada Allah. Mulutnya selalu berbau wangi. Langkah orang alim memungut pahala setiap kali melangkah. Sisa makanan orang alim pun banyak orang hendak merebut kerana banyak rahmat dan nikmat yang tersembunyi dalam sisa-sisa makanan itu. Cumbi perlu faham semua ini. Menyerah diri kepada orang alim, samalah seperti diberi janji untuk masuk syurga.”<sup>22</sup>

Watak dalam novel ini tidak secara hakikatnya tidak menolak tentang kewujudan Tuhan, malahan mereka begitu yakin akan kewujudan-Nya. Namun begitu, kepercayaan yang bercampur baur antara unsur keramat dalam Islam dan elemen tahyul yang sering ditoleransi oleh gagasan pemikiran tradisionalis dilihat oleh Shahnnon sebagai sebuah permasalahan yang wajib dikikis daripada mentaliti masyarakat Melayu Islam. Kepercayaan sedemikian bukan sahaja menyimpang daripada prinsip asas agama yang berpaksikan kepada ketauhidan, akan tetapi mengabaikan keperluan rasionalisme dan pemikiran kritis dalam masyarakat. Hal sebegini, Shahnnon berpandangan, faktor penghalang utama kepada kemajuan masyarakat Melayu Islam. Dalam karya Shahnnon, unsur keramat dan taklid tidak digambarkan sekadar sebagai amalan agama yang tersasar atau kepercayaan tahyul masyarakat Melayu, tetapi berfungsi sebagai metafora sosial yang lebih luas untuk menggambarkan kemunduran mentaliti dan struktur masyarakat. Melalui gambaran kebergantungan masyarakat kepada unsur keramat asalkan mereka percaya kuasa ghaib mampu “menyembuhkan”, “melindungi”, atau “mengangkat darjat”. Shahnnon juga lazim mengkritik pola pemikiran yang bersifat pasif, menyerah, dan tidak berdaya, iaitu masyarakat yang cuba menyelesaikan masalah melalui jalan pintas metafizik dan bukan dengan usaha rasional atau transformasi sosial yang sebenar.

Seorang sejarawan Perancis, Jacques LeGoff (2024) melihat mentaliti sebagai sejarah penentangan terhadap perkara baru yang ingin dibawa masuk, dan perkara ini dapat digambarkan menerusi pemerhatian terhadap perkara yang tidak berubah dalam sesebuah masyarakat. Perkara yang menjadi persoalan ketika ini, adakah kepercayaan tahyul seperti

keramat dan kecenderungan untuk bertaklid dalam menimba ilmu yang masih dijalankan harus diterima sebagai mentaliti masyarakat Melayu Islam yang harus diubah? Tidak dapat dinafikan yang Shahnnon begitu peka akan keberlangsungan kepercayaan keramat dalam kelompok masyarakat Melayu Islam, yang seolah membuktikan kenyataan LeGoff. Shahnnon mengkritik secara jelas kewujudan *mentaliti statik* dalam masyarakat Melayu Islam. Meskipun watak-wataknya percaya kepada Tuhan, mereka cenderung mencampuradukkan ajaran tauhid dengan kepercayaan animistik dan mistik warisan budaya Melayu. Shahnnon bukan sekadar menggambarkan mentaliti itu, tetapi menegaskan sebagai masalah budaya yang menghalang kemajuan umat. Namun, sebagai seorang intelektual yang komited kepada kemajuan masyarakat dan sebagai reformis Islam yang juga reformis sosial, Shahnnon menawarkan jalan keluar yang menampilkan unsur reformis Islam dengan menekankan penggunaan akal dan rasionalisme.<sup>23</sup>

Dalam karya-karya Shahnnon, sememangnya sangat mengalu-alukan kemajuan Malaysia pada era 1970–1990-an mengalami perubahan besar akibat Dasar Ekonomi Baru, urbanisasi pesat, kebangkitan gerakan Islam, dan transformasi politik pasca 1969. Perubahan ini mempengaruhi Shahnnon melihat kemajuan sebagai keperluan, sambil mengkritik mentaliti statik yang menghalang reformasi sosial. Namun bentuk kemajuan di persoalkannya melalui watak rasional seperti Profesor dalam “Riak” atau konflik tokoh yang menolak tahyul dalam Srengenge, di mana dialog dan pertentangan nilai rasionalisme menjadi persoalan dalam karyanya. Menurut Alatas, budaya berfikir yang aktif diperlukan dalam membina masyarakat Melayu Islam yang maju. Ternyata kemajuan yang dicari oleh golongan reformis Islam bukanlah kemajuan yang bersifat material semata, bahkan kemajuan secara menyeluruh. Hal ini sependapat dengan yang diutarakan oleh LeGoff (2024), “disebalik kelembapan ekonomi terdapat kelembapan sosial, dan disebalik kelembapan sosial terdapat kelembapan mental.”

Ironiknya, modenisasi dan kepesatan di Malaysia telah membawa kemajuan material, namun tidak diiringi oleh kemajuan dalam aspek pemikiran. Sebaliknya, kemajuan material dan proses akulturisasi Islam ini justeru menampilkan regresi dalam pemikiran. Sungguhpun sukar untuk menafikan kemuculan gagasan Islam sebagai manifestasi regresi pemikiran terhadap maksud modenisasi dan kemajuan, Shahnnon berjaya menyinggung masalah ini dengan baik dalam karya sastera beliau. Amaran Huizinga (2024) berkenaan masyarakat Melayu Islam yang dibutakan oleh kejayaan material sehingga mengabaikan konsep moral di lihat oleh Shahnnon sebagai suatu realiti yang sudah termanifestasi dalam masyarakat.<sup>24</sup> Hal ini digambarkan dalam novel beliau, TIVI;

“Itulah apabila Chah kata nak beli TV untuk maknya tengok dan ayahnya tengok sama, ayahnya setuju sangat-sangat. Kita mesti ikut apa anak kita itu suruh sebab dia sekarang ini kerja makan gaji. Jangan dengar sangat pak-pak lebai di kampung itu, sebab mereka tak tahu apa-apa yang sedang berlaku dalam dunia sekarang ini. Chah tahulah.”<sup>25</sup>

Secara ringkas, novel TIVI mengisahkan tentang keruntuhan moral yang berlaku dalam keluarga Mat Isa selepas kehadiran televisyen di rumah. Dalam novel TIVI, televisyen berfungsi sebagai simbol dominasi budaya yang meresap tanpa tapisan, mewakili hegemoni hiburan Barat serta alat ideologi yang melemahkan daya kritis keluarga Mat Isa. Kehadirannya menggambarkan bagaimana teknologi yang dianggap kemajuan akhirnya menguasai pemikiran, menormalisasi nilai songsang dan meruntuhkan akhlak apabila diterima tanpa asas rasional dan keimanan. Televisyen, dalam hal ini, bukan sekadar objek material, tetapi metafora

kuasa budaya yang mampu menentukan orientasi moral masyarakat apabila tiada panduan agama dan kesedaran intelektual mengimbangnya. Televisyen dijadikan sebagai paksi penentu segala kemajuan tanpa pemikiran yang kritis tentang perkara yang ingin disampaikan, sehingga menyebabkan keseluruhan ahli keluarga terjebak dengan perkara-perkara yang bercanggah dengan prinsip agama Islam, tatasusila dan nilai kemanusiaan, termasuklah adegan seperti sumbang mahram.

Gagasan pemikiran reformis Islam tidak menolak akan proses perkembangan modenisasi, malahan menggalakkannya sebagai cara bagi masyarakat Melayu Islam maju seiring dengan tamadun Barat yang sememangnya terkehadapan dalam pembangunan pemikiran dan material. Nurholish (2019), misalnya, yakin bahawa keperluan masyarakat Islam menjadi seperti Eropah, namun bukan bermaksud bertaklid secara membuta tuli atau mendewakan kemodenan Barat.<sup>26</sup> Sebaliknya, seperti yang dianjurkan oleh Alatas (1979), yang harus diutamakan ialah penggunaan akal dalam membezakan antara perkara yang patut dan tidak patut diterima dan diserapkan. Shahnnon Ahmad mungkin tidak mengemukakan perihal ini secara terus dalam karya beliau, bahkan sekadar menggambarkan kemusnahan sebuah keluarga yang mempunyai tanggapan sempit tentang kemajuan dan menerima segala yang disampaikan oleh televisyen dan watak Chah sebagai kebenaran yang mutlak tanpa pemikiran kritis. Namun, perkara yang digambarkan ini sudah memadai untuk menunjukkan kepada pembaca punca permasalahan dan solusi yang diperlukan. Penekanan terhadap rasionalisme dan penggunaan akal dalam menilai kepelbagaian kemajuan, yang sering mengelirukan antara modenisasi dan pembaratan, agar selari dengan seruan reformis Islam. Hal ini sudah digarap dan dipaparkan dengan berkesan oleh Shahnnon dalam penulisan karyanya, TIVI. Melalui peristiwa ini, Shahnnon menekankan keperluan penggunaan akal, pertimbangan kritis, dan pemisahan antara kemodenan serta pengaruh Barat yang tidak seiring dengan nilai Islam. Dengan memaparkan akibat langsung daripada penerimaan tanpa pemikiran kritis iaitu keruntuhan moral dan sumbang mahram, Shahnnon menggambarkan prinsip rasionalisme reformis sebagai asas transformasi sosial, di mana pembaca diajak menilai, menolak, atau mengubah mentaliti yang mengekang kemajuan berpandukan prinsip agama dan kemanusiaan.<sup>27</sup>

Selain itu, seorang reformis Islam yang ingin memajukan masyarakatnya perlu melihat secara menyeluruh pada kekurangan yang ada dalam masyarakat tersebut. Hal ini termasuklah kelemahan golongan elit yang berkuasa dan bertanggungjawab dalam memacu kemajuan. Kelemahan pucuk kepimpinan akan mengakibatkan ketidakfungsian dalam proses pembangunan dan kemajuan masyarakat, suatu isu yang wajar dititik beratkan. Tindakan atau ketiadaan tindakan oleh pihak berkuasa boleh mempengaruhi dan menentukan gagasan pemikiran yang dominan dalam masyarakat, termasuklah aliran agama, sebagai respon terhadap kedudukan mereka di tampuk kuasa.

Konsep "*will to power*" yang dicetuskan oleh Nietzsche dapat difahami sebagai keinginan bagi menguasai diri sendiri dan bukannya menguasai orang lain. Namun demikian, dalam konteks tertentu, "*will to power*" dapat ditafsirkan sebagai usaha golongan elit bagi mengekalkan status quo dan legitimasi mereka dengan pelbagai cara, termasuklah mengabaikan tanggungjawab moral mereka. Karya-karya Shahnnon yang dibincangkan dalam kajian ini lebih banyak memfokuskan kepada komuniti mikro seperti keluarga dan kampung.<sup>28</sup> Misalnya, dalam novel TIVI, keruntuhan moral keluarga Mat Isa dan ketidakmampuan mereka menilai maklumat secara kritis bukan sekadar isu peribadi, tetapi mencerminkan kelemahan institusi pendidikan, pengaruh media, dan kegagalan masyarakat dalam menanamkan nilai kritis dan etika. Akan tetapi, ini tidak bererti bahawa kritikan terhadap golongan elit politik yang

berkuasa akan dipinggirkan dalam karya-karyanya. Hal ini dapat digambarkan dalam karya-karya berikut;

“Kalau TV boleh buat, kita pun boleh buatlah. TV itu hak kerajaan. Kalau kerajaan tunjuk dalam TV ertinya baiklah.”<sup>29</sup>

“Kerana itu Imam Hamad cuma mengikut ombak sahaja. Biar tidak usah cuba berbuat apa-apa. Biar Kaki Srengenge sekarang seperti Kaki Srengenge dahulu juga. Biar halaman rumah anak buah Kaki Srengene semuanya jadi sarangpuyuh. Biar balai raya itu jadi kandang kerbau putus jerat. Biar budak-budak muda terus-menerus ayun buah. Bukan sahaja orang lain, anaknya Jantan itu pun bukan boleh disuruh buat apa-apa. Yang tahu hanya mengayun buah siang siang. Malam mengatur tapak gayung. Kononnya nak sedia melawan Yahudi. Kononnya hari kiamat sudah tidak lama lagi. Kononnya perang sabil sudah dekat. Dajal nak turun. Biarkan. Biarkan.”<sup>30</sup>

Wajar untuk mengulang kembali tentang perkara yang digariskan sebagai kemajuan, yakni kemajuan yang seimbang dari aspek ekonomi material, perkembangan sosial, dan pembudayaan pemikiran, tanpa mengabaikan atau merealisasikan kemajuan seimbang yang bukan hanya terletak pada bahu masyarakat semata, bahkan merupakan peranan dan tanggungjawab golongan elit politik yang berkuasa untuk memulakannya. Jika diteliti petikan karya Shahnon, kemusnahan moral Mat Isa dan keluarganya ditunding kepada mereka sebagai ketidakmampuan berfikir secara rasional dalam memilih siaran televisyen yang ditonton, mahupun kelemahan kefahaman mereka tentang makna kemajuan. Namun, adakah hal ini bermakna pemerintah, yang memiliki dan menentukan isi kandungan siaran stesen televisyen yang sering mempromosikan kota sebagai lambang kemajuan dan kemodenan, terlepas daripada tanggungjawab sosial mereka?

Selain itu, watak Imam Hamad (dalam novel Srengenge) seperti yang dinyatakan dalam petikan di atas, digambarkan sebagai golongan tradisionalis-konservatif agama yang cenderung bersikap apati terhadap kemajuan dan kemodenan, asalkan kepentingan mereka dipelihara. Bagaimana kemajuan yang seimbang yang merangkumi tiga aspek tersebut dapat dicapai sekiranya golongan yang dianggap memiliki autoriti tertinggi dalam hierarki masyarakat gagal dalam mempromosikan kemajuan sedemikian? Persoalan yang diutarakan berkemungkinan dianggap sebagai persoalan sampingan dalam karya-karya Shahnon yang dikaji dalam kajian ini. Selain itu, beliau juga tidak memberikan sebarang penyelesaian yang jitu terhadap segala permasalahan yang timbul. Sungguhpun begitu, dengan membangkitkan kesedaran tentang kelemahan dan ketidakupayaan pemikiran yang wujud dalam kalangan kekuasaan elit politik, Shahnon menyarankan akan kepentingan masyarakat untuk mengambil kembali “*will to power*” mereka. Hal ini bagi mengembalikan semula autonomi dan hak mereka selaku ahli masyarakat yang aktif, disamping melahirkan penentangan terhadap golongan elit politik yang berkuasa demi mewujudkan keadilan sosial bagi seluruh masyarakat. Pemikiran Shahnon ini bukan sahaja mencorakkan wacana sastera Melayu kontemporari dengan menekankan peranan intelektual dan kritisisme, malah turut memberi sumbangan kepada wacana Islam moden dengan menekankan rasionalisme, keadilan sosial, dan transformasi masyarakat sebagai elemen penting dalam pembentukan etika dan kefahaman keagamaan yang progresif.

## Analisis Pemikiran Sastera Islam Dalam Konteks Dakwah

Dalam membicarakan isu berkenaan keagamaan dalam karya sastera Islam, terdapat dua aspek yang wajar ditonjolkan ketika membincangkan tentang sumbangan Shahnnon Ahmad. Pertama, usahanya dalam merumus dan mengenal pasti ciri-ciri pemikiran sastera Islam, yang menjadikannya sebagai sebahagian daripada pelopor teori dan pemikiran sastera Islam di Malaysia. Kedua, peranannya dalam memanfaatkan karya sastera sebagai wadah dalam menyebarkan dakwah. Perbezaan paling ketara antara manusia dan mahluk Allah yang lain yakni, memiliki bahasa bagi berkomunikasi dengan bangsanya dan bangsa lain ciptaan Allah, berakal, serta memiliki daya kreativiti dan kemampuan mencipta demi kemajuan diri dan persekitaran. Nilai kemanusiaan dan tanggungjawab ini turut dipertanggungjawab kepada para penulis Melayu-Islam di Nusantara, yang menyedari akan tuntutan agama Islam bagi menyeru ke arah kebaikan di dunia. Hal ini berakar daripada seruan Allah SWT dalam al-Quran;

وَأْتَاكُمْ مِنْكُمْ أُمَّةٌ يَدْعُونَ إِلَى الْخَيْرِ وَيَأْمُرُونَ بِالْمَعْرُوفِ وَيَنْهَوْنَ عَنِ الْمُنْكَرِ ۚ وَأُولَٰئِكَ هُمُ الْمُفْلِحُونَ

**Maksudnya:** Hendaklah ada di antara kamu umat yang menyeru kepada kebaikan, menyuruh dengan makruf (yang baik-baik) dan melarang dari yang mungkar dan mereka itulah yang menang.<sup>31</sup> (Surah Ali ‘Imran ayat 104)

أَدْعُ إِلَى سَبِيلِ رَبِّكَ بِالْحُكْمَةِ وَالْمَوْعِظَةِ الْحَسَنَةِ ۗ وَجَادِلْهُمْ بِلَّتِي هِيَ أَحْسَنُ ۚ إِنَّ رَبَّكَ هُوَ أَعْلَمُ بِمَنْ ضَلَّ عَنْ سَبِيلِهِ ۗ وَهُوَ أَعْلَمُ بِالْمُهْتَدِينَ

**Maksudnya:** Serulah (manusia) ke jalan (agama) Tuhanmu dengan kebijaksanaan dan pengajaran yang baik, dan berbantahlah (berdebatlah) dengan mereka dengan (jalan) yang terbaik, sesungguhnya Tuhanmu lebih mengetahui orang-orang yang sesat dari jalan-Nya dan Dia lebih mengetahui orang-orang yang mendapat petunjuk.<sup>32</sup> (Surah An-Nahl ayat 125)

Hal ini menunjukkan bahawa, Shahnnon menyumbang kepada sastera Islam melalui perumusan ciri pemikiran sastera Islam dan penggunaan karya sebagai wadah dakwah. Tema ini sejajar dengan Surah Ali ‘Imran 104 dan An-Nahl 125, yang menekankan menyeru kepada kebaikan dengan hikmah dan nasihat baik. Dalam karyanya, naratif dan watak berfungsi menyalurkan hikmah, membangkitkan kesedaran, serta menegakkan tanggungjawab manusia berakal dan kreatif untuk kemajuan diri, masyarakat, dan nilai-nilai Islam. Ini kerana karya sastera memainkan peranan yang signifikan dan sering dijadikan pertimbangan oleh para ilmuawan dalam membicarakan atau membina sebarang teori berkenaan sastera, sama ada secara khusus mahupun umum. Shahnnon sendiri turut mengaplikasikan pendekatan sebegini dalam karya penulisannya. Hal ini memandangkan, sastera sebagai hasil budaya dan intelektual, serta penyumbang kepada pembinaan tamadun yang berpaksikan pemikiran, perlu dilihat sebagai medium yang memiliki fungsi tertentu. Dalam hal ini, penting untuk menilai sejauh mana kewujudan keselarasan antara seruan beragama, seperti yang terkandung dalam ayat al-Quran diatas, dengan peranan dan fungsi karya sastera yang dihasilkan oleh penulis Melayu-Islam Nusantara.

Selain itu, Shahnnon turut mengembangkan konsep sastera Islam dengan menjadikan kegiatan sastera sebagai dakwah. Tambahnya lagi, sastera Islam perlu memenuhi beberapa kriteria dalam berdakwah, seperti (a) menetapkan matlamat yang betul, (b) mengamalkan perkara yang wajib, (c) meninggalkan perkara haram, (d) mengalakkan perkara sunat yang dianjurkan, dan (e) menghindari urusan makruh. Shahnnon turut merungkai konsep dakwah menerusi sastera Islam yang pada hematnya “sastera kerana Allah berhikmah untuk manusia” dengan huraian;

“...ini bukan konsep buatan saya atau buatan sesiapa pun. Apabilamembicarakan aspek prinsip yang ada kaitan dengan Islam, kita hanya menyampaikan sahaja prinsip-prinsip yang telah kukuh. Dalam huraian yang serba ringkas itu saya sebenarnya bertolak daripada pengertian sastera sebagai salah satu cabang seni dilihat daripada sudut Islam sebagai ad-din, baik apa aspek sekalipun termasuk bidang ekonomi, politik, sosial, falsafah, pendidikan, seni dan sebagainya, manusia hanya menyalurkan satu Kebenaran Hakiki yang ditetapkan oleh Yang Maha Esa.”<sup>33</sup>

Selaras dengan nilai, sikap dan matlamat hidupnya, Shahnnon turut berdakwah menerusi karya sasteranya. Dalam cerpennya berjudul “Kematian”, beliau sering menyampaikan dakwah tentang pentingnya manusia menyediakan bekalan untuk hari akhirat, kerana kematian pasti akan datang dan Allah berkuasa dalam menghidupkan atau mematikan setiap manusia dan makhluk ciptaan-Nya. Dalam novel “Pararuhi”, Shahnnon turut berdakwah berkenaan tahap-tahap amalan dan ganjaran yang diterima di akhirat, serta perbezaan nasib yang diterima manusia sebagai tanda keadilan Allah. Sementara itu, menerusi cerpen “tumbuh lagi dan Tunggu Lagi”, dakwahnya membawa kepada kesedaran pembaca tentang pembalasan di hari akhirat yang panjang, yakni setiap manusia akan dipaparkan amalan kebaikan dan keburukan yang pernah dilakukan ketika di dunia serta dosa dan pahala yang diterima. Mereka yang beriman dan bertakwa akan lebih menerima kesan baik, namun yang kufur bakal melalui ujian getir yang amat panjang, pedih dan perit.<sup>34</sup> Hal ini jelas menggambarkan bahawa gaya dakwah Shahnnon bukan hanya berdasarkan isi yang menekankan kematian, balasan dan keadilan Allah, tetapi juga melalui strategi sastera seperti simbolisme, kontras, suasana, pembangunan watak, dan nada introspektif. Hal ini menunjukkan bahawa dakwah dalam karya beliau bukan bersifat langsung atau mengajar secara terus, tetapi terjalin secara organik dalam struktur naratif, menjadikan mesejnya lebih mendalam dan berkesan kepada pembaca.

Dalam novel “Tok Guru” pula, Shahnnon berdakwah dengan memperihalkan tentang penyelewengan amalan berpoligami oleh segelintir golongan beragama yang sering menyalahgunakan status dan penghormatan yang diberikan. Sebenarnya, novel ini ingin mengangkat isu-isu keagamaan, bagi menggambarkan akan perubahan yang berlaku dalam keluarga Mamak Merican setelah kedatangan Tok Guru ke rumah mereka setiap malam Jumaat. Ilmu Islam yang cuba disampaikan oleh Tok Guru menimbulkan kesedaran dan membawa kepada perubahan dalam cara hidup mereka. Dalam mendapatkan pahala yang lebih mudah, Tok Guru menekankan cara bahawa dengan perkahwinan, sama ada dengannya atau menerusi poligami, merupakan pendekatan yang paling mudah bagi mendapatkan pahala. Sebagai contoh, Mami berkata: “*Mami mengizinkan Nana berkahwin seorang lagi supaya kita berdua*



*mendapat pahala banyak...".*<sup>35</sup> Begitu juga dengan ungkapan yang dikatakan oleh Cumbi: "Mamak! Mami! Cumbi sudah buat keputusan sekarang! Cumbi rela berkahwin dengan Tok Guru demi mendapat kesejahteraan dunia dan akhirat untuk kita semua."<sup>36</sup>

Jelas dalam hal ini, Tok Guru seperti "menunggang agama", khususnya dalam isu poligami, bagi memanipulasi wanita dan seisi keluarganya demi memenuhi keperluan hawa nafsu. Tok Guru bergitu bergantung kepada keizinan Tuhan dan contoh dalam kehidupan Rasulullah, sambil menggunakan imiginasi utopia tentang manusia yang berkembang menerusi poligami.

"Sudah banyak kali Tok Guru sentuh bab kecantikan bersedu ini, tapi bagi orang yang tak faham, dianggapnya terlalu kotor dan tak senonoh.... Kalau bersedu tidak cantik, mengapa Rasul menetapkannya. Kalau bersedu kotor, mengapa Islam menetapkannya. Yang kotor bukan Rasul dan bukan Islam tapi manusia ..."<sup>37</sup>

Kalau anak banyak dan alim ulama pula, mereka akan mengajar meratarata. Mereka akan pergi meratarata. Fikirkan jumlahnya bila anak-anak itu pun berkahwin empat juga dan melahirkan berpuluh, beratus dan beribu. Beribu-ribu ulama berselerak keluar berdakwah dan tentu begitu cepat Islam berbiak dan berkembang".<sup>38</sup>

Justeru hal ini tidak menghairankan sekiranya novel "Tok Guru" menimbulkan kesan yang sarkastik seperti "... *Dia bukan Tok Guru. Dia hanya binatang yang bernafsu, yang hanya menggunakan jubah dan serbannya untuk terus membuka tanah dan membuka tanah lepas sebidang sebidang*".<sup>39</sup>

Melalui pendekatan sindiran ini, Shahnnon memperlihatkan bahawa dakwah tidak semestinya bersifat literal atau khutbah, tetapi juga boleh disampaikan secara kritis dan simbolik terhadap realiti sosial. Dalam hal ini, Shahnnon sudah membuktikan bahawa beliau sememangnya adalah seorang penulis yang berbakat dan mampu untuk membawa karya sastera seperti cerpen dan novel kepada elemen Islam sekali gus dapat mendekati masyarakat umum kepada Islam. Hal ini juga turut membuktikan sumbangan Bahasa Melayu sastera sebagai satu medium penulisan yang dapat digunakan sebagai alat bagi penyebaran dakwah Islam memandangkan penulisan karya cerpen dan novel yang berpaksikan Islam merupakan satu bidang kesenian dan juga cara penyampaian dakwah yang lebih santai dan digemari segelintir masyarakat. Oleh itu, pemikiran Shahnnon membuktikan bahawa sastera Islam bukan sekadar seni yang indah, tetapi medan perjuangan intelektual yang mempertautkan keindahan bahasa dengan tanggungjawab dakwah

## **Kesimpulan**

Menerusi analisis ini, jelas menunjukkan betapa kuatnya nilai-nilai serta sudut pandang unik yang membentuk kerangka sastera Islam. Elemen-elemen seperti tauhid, akhlak, ihsan, kebenaran dan sufisme telah memberikan suatu warna yang tersendiri kepada sastera Islam, sekaligus membangun pemikiran Islamnya yang penuh dinamika. Idealisme dan pandangan

tinggi Shahnnon ini bukan sahaja menggambarkan sastera Islam, bahkan turut memperkaya khazanah intelektual dan budayanya. Oleh sebab itu, langkah bagi memperluas, memperkayakan dan memperkukuhkan nilai sastera Islam di dalam negara harus dipergiatkan.

Justeru, gagasan konservatif Shahnnon tidak sepenuhnya mencerminkan idea-idea yang beliau kemukakan dalam karya kreatifnya yang bercorak reformis. Oleh yang demikian paradoks antara gagasan dan inti karya beliau ini sesuai dilabelkan sebagai seorang yang berpemikiran reformis agama dalam karya sastera Islam. Namun gagasan pemikiran ini tidak mutlak dan boleh dianggap sebagai suatu ideal abstrak yang sentiasa bersaing dengan idea-idea lain bagi mencapai kedudukan dominan. Dominasi sesebuah pemikiran sering berubah mengikut peredaran zaman. Sungguhpun begitu, karya kreatif beliau yang sentiasa mencatatkan nilai-nilai Islam sejagat seperti keadilan sosial dan tanggungjawab moral, serta mendorong budaya berfikir dalam masyarakat, jelas memaparkan idea-idea yang sentiasa relevan tanpa mengira masa dan tempat. Oleh itu, tidak hairanlah seandainya Shahnnon didalam karya Islamnya digolongkan sebagai reformis agama. Sewajarnya, pemikiran kritis yang diketengahkan oleh Shahnnon dalam karyanya wajar dijadikan asas bagi membentuk masyarakat yang membudayakan rasionalisme dalam kehidupan harian secara menyeluruh.

## **Penghargaan**

Penghargaan disampaikan kepada Pusat Pengajian Bahasa, Tamadun dan Falsafah atas sokongan, kemudahan, serta bantuan yang telah diberikan sepanjang pelaksanaan penyelidikan ini.

## **Biodata**

\*Dr. Mohd Ammyrul Ashraf bin Sairan ([ammyrul@uum.edu.my](mailto:ammyrul@uum.edu.my)) (corresponding author) merupakan Pensyarah Kanan di Unit Pengajian Islam dan Falsafah, Pusat Pengajian Bahasa, Tamadun dan Falsafah, Universiti Utara Malaysia.

Puan Che Hasniah binti Ya'acob ([chehasniah@uum.edu.my](mailto:chehasniah@uum.edu.my)) merupakan Guru Bahasa di Unit Bahasa Antarabangsa, Pusat Pengajian Bahasa, Tamadun dan Falsafah, Universiti Utara Malaysia

Dr. Mohamad Akmal bin Ibrahim ([akmalibrahim13@um.edu.my](mailto:akmalibrahim13@um.edu.my)) merupakan Pensyarah Kanan di Jabatan Sejarah, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya

## **Nota**

---

<sup>1</sup> Napisah Karimah Ismail, Islam dan Budaya Nusantara di Bumi Perth, Australia, *Prosiding Nadwah Ulama Nusantara (NUN) VII*, disunting oleh Ezad Azraai Jamsari, Azmul Fahimi Kamaruzaman, Farid Mat Zain, Kaseh Abu Bakar, Zamri Arifin, Firuz Akhrar Mohamad Bohari and Ammalina Dalilah Mohd Isa. Ulama dan Pemikiran Wasatiyyah Nusantara, anjuran Jabatan Pengajian Arab dan Tamadun Islam, Fakulti Pengajian Islam, 8-9 Ogos 2020, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM).

<sup>2</sup> Ali Raza Tahir, Islam And Philosophy (meaning and relationship), *Interdisciplinary Journal of*

*Contemporary Research In Business* 4, 5, 2023, hlm. 119-127.

<sup>3</sup> P.E., Walker *Da'wah: Qur'anic Concepts, in the Oxford Encyclopedia of the Modern Islamic World*, 343-346. New York: Oxford University Press, 2015.

<sup>4</sup> B.Yusuf, *Da'wah and Contemporary Challenges Facing Muslim Women in Secular State-A Nigerian Case Study in Islam in Africa*, edited by N. Alikali, A. Adamu, A. Yadudu & R. Motem, hlm. 276-295, Lagos: Spectrum Book Limited, 2023.

<sup>5</sup> Ismail Mina Ahmad, *Muhammad 'Uthman El-Muhammady Inteligensia Muslim Kontemporari*. Kuala Lumpur: Pertubuhan Muafakat Sejahtera Masyarakat Malaysia (MUAFAKAT), 2014.

<sup>6</sup> Abd Aziz Mohd Zain, *Strategi Dakwah dalam Sirah Nabi S.A.W*, Kuala Lumpur: Jabatan Dakwah dan Pembangunan Insan Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, 2022.

<sup>7</sup> B.Rossman, *Designing Qualitative Research*, London: Sage Publication, 2019.

<sup>8</sup> Othman Lebar, *Penyelidikan Kualitatif Pengenalan Kepada Teori dan Metod*, Tanjong Malim: Penerbitan Universiti Pengurusan Sultan Idris, 2016.

<sup>9</sup> C. F Linton, R.W. Douglas, and A.K Romney, *General/Theoretical Anthropology: Research Methods in Social Network Analysis*, 2020.

<sup>10</sup> C.Marchall & B. Rossman, *Designing Qualitative Research*, London: Sage Publication, 2019.

<sup>11</sup> Chandra Muzaffar, "Malaysia: Islamic Resurgence and the Question of Development", *Sojourn: Journal of Social Issues in Southeast Asia* 1, no. 1, 2016, hlm. 56.

<sup>12</sup> Amin Abdullah, *Falsafah Kalam di Era Postmodernisme*, Yogyakarta: Pustaka Pelajar, 2025.

<sup>13</sup> Nurcholish Madjid, *Cita-Cita Politik Islam Era Reformasi*, Jakarta: Pramadina, 2019.

<sup>14</sup> Syed Hussein Alatas, *Kita Dengan Islam: Tumbuh Tiada Berbuah*, Singapura: Pustaka Nasional, 1979.

<sup>15</sup> Mohd Yusof Hasan, *Pemikiran Global Sasterawan Negara, Shanon Ahmad*, Perak: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tanjong Malim, 2019.

<sup>16</sup> Metzger, L, "Continuity and Charge in the Itinerary of the Malay Novelist, Shanon Ahmad", *Journal of Southeast Asian Studies*, 2019.

<sup>17</sup> Shafie Abd Rahman, Kamarizan Hamzah, & Suriana Harun, *Tokoh Sasterawan*. Selangor: Penerbit Persepadu Ilmu, 2017.

<sup>18</sup> Shanon Ahmad, *Kesusasteraan Dan Etika Islam*, Kuala Lumpur. Fajar Bakti, 1981.

<sup>19</sup> H.Aveling, *Islam, Power and Gender: The Pious Man In The Works of Shanon Ahmad*, Tesis PhD, National University of Singapore, 1996.

<sup>20</sup> Mohd Taib Osman, *Unsur-Unsur Islam Populer Dalam Kepercayaan Orang Melayu*. Dalam Mohd Taib Osman & Wan Kadir Yusoff (ed.), *Kajian Budaya Dan Masyarakat Di Malaysia*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2013.

<sup>21</sup> Shanon Ahmad, *Srengenge* Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 3rd ed., 2003, hlm. 175.

<sup>22</sup> Shanon Ahmad, *Tok Guru*, Petaling Jaya: Fajar Bakti, 5th ed. 1991, hlm. 155..

<sup>23</sup> J.LeGoff, "Mentalities: A New Field for Historians", *Social Science Information Sur Les Sciences Sociales* 13, no. 1, 2024.

<sup>24</sup> J.Huizinga, *In The Shadow of Tomorrow*, New York: Norton Library, 2024.

<sup>25</sup> Shanon Ahmad, *TIVI*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1995, hlm. 13.

<sup>26</sup> Nurcholish Madjid, *Cita-Cita Politik Islam Era Reformasi*, Jakarta: Pramadina, 2019.

<sup>27</sup> Syed Hussein Alatas, *Kita Dengan Islam: Tumbuh Tiada Berbuah*, Singapura: Pustaka Nasional, 1979.

<sup>28</sup> F.Nietzsche, *The Will to Power* (W. Kaufmann & R.J. Hollingdale, Trans.), Vintage Book, 1968.

<sup>29</sup> Shanon Ahmad, *TIVI*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1995, hlm. 81.

<sup>30</sup> Shanon Ahmad, *Srengenge*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 3rd ed., 2003, hlm.36.

<sup>31</sup> Al-Quran, Surah Ali 'Imran ayat 104.

<sup>32</sup> Al-Quran, Surah Ali An-Nahl ayat 125.

<sup>33</sup> Anwar Ridhwan, Shanon Ahmad: Dari Naratif Daerah Ke Wadah Dan Wajah Kebijaksanaan, *PENDETA Journal of Malay Language, Education and Literature*, Jilid 12, No. 1, 2021.

<sup>34</sup> Ibid.

<sup>35</sup> Shanon Ahmad, *Tok Guru*, Petaling Jaya: Fajar Bakti, 5th ed., 1991, hlm. 50

<sup>36</sup> Ibid., hlm. 257

<sup>37</sup> Ibid., hlm. 224-225

<sup>38</sup> Ibid. hlm. 258

<sup>39</sup> Ibid., hlm.250.

## Rujukan

- Abd Aziz Mohd Zain, *Strategi Dakwah dalam Sirah Nabi S.A.W.* Kuala Lumpur: Jabatan Dakwah dan Pembangunan Insan Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, 2022.
- Ali Raza Tahir, "Islam And Philosophy (meaning and relationship)", *Interdisciplinary Journal of Contemporary Research In Business* 4, 5, 2023, hlm.119-127.
- Amin Abdullah, *Falsafah Kalam di Era Postmodernisme*. Yogyakarta: Pustaka Pelajar, 2025.
- Anwar Ridhwan, "Shanon Ahmad: Dari Naratif Daerah Ke Wadah Dan Wajah Kebijaksanaan", *PENDETA Journal of Malay Language, Education and Literature*, Jilid 12 No. 1, 2021.
- Aveling, H, *Islam, Power and Gender: The Pious Man In The Works of Shanon Ahmad*. Tesis PhD, National University of Singapore, 1996.
- Chandra Muzaffar, "Malaysia: Islamic Resurgence and the Question of Development", *Sojourn: Journal of Social Issues in Southeast Asia* 1, no. 1, 2016.
- Heidegger, M, *Nietzsche Vol. 1: The Will to Power as Art*, San Francisco: Harper & Row, 2019.
- Huizinga, J, *In The Shadow of Tomorrow*, New York: Norton Library, 2024.
- Ismail Mina Ahmad, *Muhammad 'Uthman El-Muhammady Inteligencia Muslim Kontemporari*. Kuala Lumpur: Pertubuhan Muafakat Sejahtera Masyarakat Malaysia (MUAFAKAT), 2014.
- LeGoff, J, "Mentalities: A New Field for Historians", *Social Science Information Sur Les Sciences Sociales* 13, no. 1, 2014.
- Marchall, C. & Rossman, B, *Designing Qualitative Research*. London: Sage Publication, 2019.
- Metzger, L, "Continuity and Change in the Itinerary of the Malay Novelist, Shanon Ahmad", *Journal of Southeast Asian Studies*, 2019.
- Mohd Taib Osman, "Unsur-Unsur Islam Popular Dalam Kepercayaan Orang Melayu" dlm. Mohd Taib Osman & Wan Kadir Yusoff (ed.), *Kajian Budaya Dan Masyarakat Di Malaysia*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2013.
- Mohd Yusof Hasan, *Pemikiran Global Sasterawan Negara, Shanon Ahmad*, Perak: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tanjong Malim, 2019.
- Nurcholish Madjid, *Cita-Cita Politik Islam Era Reformasi*, Jakarta: Pramadina, 2019.
- Nietzsche, F, *The Will to Power* (W. Kaufmann & R.J. Hollingdale, Trans.), Vintage Book, 1968.
- Napisah Karimah Ismail, Islam dan Budaya Nusantara di Bumi Perth, Australia, Prosiding Nadwah Ulama Nusantara (NUN) VII, disunting oleh Ezad Azraai Jamsari et.al., Ulama dan Pemikiran Wasatiyyah Nusantara, anjuran Jabatan Pengajian Arab dan Tamadun Islam, Fakulti Pengajian Islam, 8-9 Ogos, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), 2020.
- Nordin Mohammad, Penerapan Nilai-Nilai Islam dalam Novel-Novel Pilihan Shanon Ahmad, Tesis Sarjana, Fakulti Sains Kemasyarakatan dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia, 1997.
- Othman Lebar, *Penyelidikan Kualitatif Pengenalan Kepada Teori dan Metod*, Tanjong Malim: Penerbitan Universiti Pengurusan Sultan Idris, 2016.

Rossmann, B, *Designing Qualitative Research*, London: Sage Publication, 2019.

Ros Zakaria, Martabat Nafsu Dalam Novel-Novel Terpilih Shanon Ahmad Melalui Kod Budaya dan Simbolik, Tesis Sarjana, Fakulti Sains Kemasyarakatan dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia, 2002.

Shafie Abd Rahman, Kamarizan Hamzah, & Suriana Harun, *Tokoh Sasterawan*, Selangor: Penerbit Persepadu Ilmu, 2017.

Shanon Ahmad, *Kesusasteraan Dan Etika Islam*, Kuala Lumpur. Fajar Bakti, 1981.

Shanon Ahmad, *Tok Guru*, Petaling Jaya: Fajar Bakti, (5th ed), 1991.

Shanon Ahmad, *TIVI*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1995.

Shanon Ahmad, *Srengenge*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, (3rd ed.), 2003.

Suhaimi Abdul Aziz, Mobiliti Sosial Perspektif Barat dan Islam Dalam Novel Terpilih Shanon Ahmad, tesis Sarjana, Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Universiti Sains Malaysia, 1990.

Syed Hussein Alatas, *Kita Dengan Islam: Tumbuh Tiada Berbuah*, Singapura: Pustaka Nasional, 1979.

Walker P.E, *Da'wah: Qur'anic Concepts, in the Oxford Encyclopedia of the Modern Islamic World*, New York: Oxford University Press, 2015.

Yusuf, B, *Da'wah and Contemporary Challenges Facing Muslim Women in Secular State-A Nigerian Case Study in Islam in Africa*, edited by N. Alikali, A. Adamu, A. Yadudu & R. Motem, Lagos: Spectrum Book Limited, 2023.